

Dasar kualiti dan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar Semperit



Quality



Safety



Health



Environment

Kami akan memastikan semua pekerja sedar akan tugas dan tanggungjawab mereka bagi memenuhi serta mengekalkan sistem pengurusan Gabungan Semperit kami. Komitmen kami adalah untuk mematuhi undang-undang serta peraturan yang digunapakai di setiap negara yang kami jalankan perniagaan. Semua pekerja dikehendaki bekerja secara proaktif dan terlibat dalam penambahbaikan yang berterusan. Cadangan untuk penambahbaikan telah diteliti bagi memberi kecekapan dan dikreditkan dengan pelaksanaan yang pantas dan bersesuaian. Kami meletakkan piawaian global yang mencukupi dan sesuai di tempat kami serta menyediakan sumber dengan cara yang teliti dan difikirkan perlu bagi mencapai matlamat ini. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk mengkaji semula prestasi syarikat dan pematuhan kami dengan dasar ini.

Dasar ini mencerminkan budaya syarikat kami dan nilai korporat. Integrasi lengkap kualiti dan pemikiran keselamatan, kesihatan dan alam sekitar adalah sebahagian daripada sasaran kami dan asas untuk menentukan matlamat, objektif dan program untuk mencapai peningkatan berterusan. Ini juga menunjukkan dengan pelaksanaan dan integrasi konsep "Pengilangan Kelas Dunia", yang mengikuti falsafah "Sifar adalah angka yang terbaik" dengan pengkhususan dalam bidang Q + SHE.

Kualiti

- Kami menghasilkan produk yang berasaskan "Pemikiran Kecacatan Sifar" dengan cara yang paling keperluan produk dan pelanggan-pelanggan kami'.
- Kami adalah rakan kongsi jangka panjang yang sangat boleh dipercayai oleh pelanggan-pelanggan kami dengan mengambil kira kualiti produk, kemajuan teknologi dan keberkesanan kos.
- Kami semua bertanggungjawab untuk pastikan kualiti kerja kami selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan! Oleh itu, kami mematuhi keperluan yang sesuai.
- Kami percaya bahawa kualiti adalah satu bahagian penting dalam setiap aktiviti! Pada setiap masa dan di setiap bahagian kerja di seluruh syarikat kami.

Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

- Untuk mencapai "Kemalangan Sifar", kami telah menggariskan bahawa tiada tugas yang lebih penting berbanding risiko keselamatan, kesihatan dan persekitaran.
- Kami merancang, menguruskan dan mengendalikan kilang kami untuk memaksimumkan keselamatan, menjaga kesihatan & kesejahteraan pekerja, pelawat, pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan yang lain, serta menggalakkan penggunaan tenaga secara efisien, melindungi alam sekitar dan mencegah pencemaran.
- Kami mengenalpasti, menilai dan menguruskan aspek Keselamatan, kesihatan dan Alam Sekitar, risiko dan kesan terhadap operasi kami yang sedia ada dan akan datang dan kami mengambil tanggungjawab sosial kepada pekerja kami.
- Kami menggunakan kemahiran yang ada untuk semua aspek Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar dalam merekabentuk produk, pembangunan proses, projek dan perkhidmatan.
- Kami merancang untuk, bertindak dan memulihkan daripada sebarang situasi kecemasan, krisis dan gangguan perniagaan. Setiap kebimbangan berkenaan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar akan dikaji dan tindakan yang ditentukan dengan cara yang sesuai.

Untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, latihan yang mencukupi, maklumat dan arahan berkaitan kualiti, keselamatan tempat kerja dan risiko kesihatan, serta aktiviti perlindungan alam sekitar dan sumber tenaga perlu dilancarkan secara sistematik. Lembaga pengurusan serta semua kakitangan sangat komited terhadap Kualiti dan Dasar Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar untuk menggariskan bahawa jaminan untuk peningkatan berterusan bagi mengekalkan daya saing dan kejayaan.

Martin Füllenbach
CEO

Frank Gumbinger
CFO

Michele Melchiorre
COO